

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(26)

Tarikh: 9 Januari 2021

## KENYATAAN MEDIA

### Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Menyambut Ulang Tahun Ke-10

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan menyambut jubli ulang tahun ke-10 di Stesen Bawah Bukit Bendera pada 9 Januari 2021 (Sabtu). Sambutan ini pada awalnya dirancang pada bulan November 2020, namun ditunda beberapa kali kerana peningkatan kes penularan COVID-19 di negara ini.

Sambutan ini akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap pengerusi PBBPP, YAB Tuan Chow Kon Yeow. Turut akan hadir ke majlis sambutan ini adalah mantan pengerusi PBBPP, YB Tuan Lim Guan Eng, Timabalan Ketua Menteri II YB. Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam YB. Chong Eng, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Alam Sekitar dan Kebajikan YB. Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif YB. Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Belia dan Sukan YB. Soon Lip Chee dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan YB. Dr. Hajah Norlela Bt Ariffin.

Sejak diwartakan pada tahun 2009 melalui enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, PBBPP diberikan kepercayaan untuk mengurus perkhidmatan funikular, meningkatkan infrastruktur dan mempromosikan pemuliharaan warisan dan budaya dengan tujuan menjadikan Bukit Bendera sebagai bukit peranginan pilihan di Malaysia.

“Melalui PBBPP, kerajaan negeri dapat terus memainkan peranan secara efektif dalam pembangunan Bukit Bendera dan melihat kemajuan yang dikecapi akan membawa ke tahap yang lebih tinggi. Dengan visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara adalah hala tuju kerajaan negeri dalam memastikan segala perancangan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh demi kelangsungan negeri tercinta. Oleh hal demikian saya amat gembira kerana pihak PBBPP telah mengambil pendekatan yang sama dalam menjadikan Bukit Bendera lebih mesra keluarga dan berteraskan masyarakat” kata YAB Tuan Chow Kon Yeow.

Selama beberapa tahun ini, kerajaan negeri telah melaburkan jumlah yang besar untuk kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf di Bukit Bendera. Kerja-kerja seperti menaiktaraf fasiliti, mitigasi bencana alam dan kerja penstabilan cerun di kawasan utama Bukit Bendera. Peruntukkan yang diberikan juga merangkumi kerja-kerja pengubahsuaian dan pemulihan banglo warisan seperti Banglo Edgecliff dan beberapa lagi kerja pemulihan yang sedang dijalankan. Permohonan PBBPP untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai Rizab Biosfera oleh UNESCO merupakan salah satu inisiatif yang diambil bagi meningkatkan pendidikan tentang pembangunan yang mampan dan pemuliharaan melalui penyelidikan saintifik, tambahan bantu mempromosikan eko-pelancongan.

“Semua inisiatif ini tidak dapat dilaksanakan tanpa kakitangan PBBPP dan perintis terdahulu yang sangat berdedikasi dan telah memberi sumbangan besar kepada organisasi ini, dimana kita sedang meraikannya pada hari ini. Saya berharap PBBPP akan terus menunjukkan semangat daya tahan yang tinggi dan terus berusaha lebih kuat, walaupun kita sedang dilanda krisis ekonomi disebabkan pandemik COVID-19” tambah beliau.

Bersempena sambutan ulang tahun ke-10, pengarang buku *The Bungalows of Penang Hill*, En. Mike Gibby akan membentangkan bukunya yang baru sahaja diterbitkan. Buku penerbitan Entrepot Publishing Sdn. Bhd. ini juga merupakan tajaan bersama The Habitat Penang Hill dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

Bagi melengkapkan sambutan ulang tahun ke-10 PBBPP ini, persembahan tarian dari Adikarma akan menyemarakkan lagi suasana di Stesen Bawah Bukit Bendera.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 345 atau emel kepada [cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my).

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah  
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang

Tel: 04-8288880  
[cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my)

Mohd Naszeem  
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang

Tel: 04-8288880  
[naszeem@penanghill.gov.my](mailto:naszeem@penanghill.gov.my)